

Perkenal silat olahraga di balai

Persisi akan k-sama rapat dengan PA

PENCER SILAT

PERSEKUTUAN Silat Singapura (Persisi) akan bekerjasama dengan lebih rapat lagi dengan **Persatuan Rakyat (PA)** untuk menubuhkan kelab-kelab silat dan memperkenalkan suatu sistem silat olahraga di balai-balai rakyat.

Usaha tersebut sedang disusun dan akan dibahasakan dalam mesyuarat agung dwitahunan perse-

kutuan itu mulai 2.00 petang Ahad ini di pejabat Persatuan Jurulatih Pertahanan Diri Singapura (SMALA), Kallang.

Setiausaha Agung Persisi, Encik Johari Uriiff, membayangkan rancangan yang sedang diaturnya itu baru-baru ini.

Di samping itu, beberapa lagi usul akan diketengahkan untuk dibahasakan bersama-sama tujuh buah badan kerabat Persisi yang meliputi 2,250 orang

24 OCT 1986
pesilat dan 36 orang jurulatih.

Antara usul-usul itu termasuklah menyelaraskan sistem ujian bagi melantik jurulatih-jurulatih silat.

Persisi, menurut Encik Johari, akan menentukan supaya empat aspek penting perlu dimiliki oleh seseorang pesilat sebelum boleh diterima sebagai jurulatih. Aspek-aspek itu ialah:

- memiliki disiplin atau peradaban silat dari segi mental dan fizikal;
- harus lulus dalam ujian bidang silat kesenian;
- harus lulus dalam ujian bidang silat bela diri;
- harus lulus dalam ujian bidang silat olahraga.

Persisi juga akan merancang untuk menganjurkan satu seminar khusus untuk membincangkan perkara-perkara yang berhubung dengan seni silat. Ia bertujuan untuk menarik minat para belia supaya menggemari dan mempelajari seni silat itu.

Beberapa buah badan kerabat juga akan membawa usul-usul mereka untuk dibahasakan.

Beritahu

Ketika dihubungi, mereka enggan menyatakan apakah usul-usul tersebut. Bagaimanapun, *Berita Harian* difahamkan, mereka akan meminta penjelasan mengenai perkara-perkara yang berangkut daripada laporan 1984-86.

Antara perkara-perkara itu termasuklah soal membawa rombongan pesilat ke Paya Kumbuh yang telah membelanjakan wang berjumlah \$4,312.

Perkara 'hutang lapok' bernilai \$1,965 yang dimasukkkan dalam penyata kira-kiranya juga akan diketengahkan untuk mendapatkan penjelasan.



• ENCIK JOHARI

'Persisi akan menentukan supaya empat aspek penting perlu dimiliki oleh seseorang pesilat sebelum boleh diterima sebagai jurulatih.'

Sementara itu pula beberapa kerabat masih belum menerima laporan tahunan, tetapi hanya menerima surat undangan ke mesyuarat agung tersebut.

Presiden Persatuan Kemanung, Encik Abdullah Shafie, ketika dihubungi memberitahu: "Kami tidak menerima laporan atau penyata kewangan kecuali surat undangan."

Persisi, menurut Encik Abdullah lagi, tidak mengirimkan sebarang berita mengenai kegiatan-kegiatan yang dijalankannya. Kebanyakan daripada berita itu diketahui melalui pesilat-pesilatnya saja.

Beliau berkata lagi: "Banyak perkara berhubung dengan pentadbiran dan hubungan badan induk itu dengan kerabat-kerabatnya kelihatan tidak berjalan dengan licin. Inilah yang akan saya bawa ke dalam mesyuarat agung nanti."

Persatuan Taman Pengajian Islam Singapura (Pertapis) juga memberitahu, mereka tidak menerima laporan ataupun surat undangan.

"Kami mengetahui mengenai mesyuarat agung Persisi menerusi pesilat-pesilat kami. Mungkin mereka telah memberinya kepada wakil kami, Encik Shukor Rais, yang juga Penolong Setiausaha Persisi," menurut seorang pegawai tetap Pertapis.

Bagaimanapun, Encik Johari mengatakan, surat-surat serta laporan tahunan berhubung dengan mesyuarat agung Persisi itu sudah dikirimkan kepada semua badan kerabatnya.